

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

SOALAN NO. 53

DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga kini, berapakah statistik penggunaan 'vape' dalam kalangan remaja bawah umur berbanding tahun sebelum ini dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan cukai untuk penjualan barangan 'vape' di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Rokok elektronik atau Vape merupakan sejenis produk merokok yang baru di masa kini. Masalah penggunaan rokok elektronik atau Vape di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak.

Kajian di kalangan remaja berumur 10-19 tahun (*Tobacco and E-Cigarette Survey among Malaysian Adolescents, TECMA*) pada tahun 2016 mendapati sebanyak 300,000 ribu orang remaja bersekolah merupakan pengguna semasa rokok elektronik dan vape dan majoriti adalah di kalangan remaja lelaki iaitu 250,000 ribu orang berbanding remaja perempuan iaitu 50,000 orang. Seramai 700,000 ribu orang remaja bersekolah pernah mencuba rokok elektronik dan vape walaupun sekali. Terdapat dwi pengguna iaitu 170,000 orang remaja bersekolah menggunakan rokok elektronik dan vape.

Kajian pada tahun 2018 oleh pakar penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang dijalankan di sekolah menengah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati peratusan remaja sekolah yang menggunakan rokok elektronik dan vape adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 42.2% berbanding dengan mereka yang merokok rokok konvensional iaitu hanya sebanyak 27.0%. Selebihnya pula merupakan dwi-pengguna iaitu menggunakan kedua-dua vape dan rokok konvensional. Daripada jumlah tersebut, 86.6% pelajar ini adalah daripada golongan keluarga berpendapatan bawah RM4,000 sebulan iaitu daripada keluarga B40.

Kajian telah membuktikan pendedahan kepada nikotin terutama pada usia remaja boleh menyebabkan pelbagai komplikasi kesihatan. Menyedari terdapat kajian-kajian terkini yang telah menunjukkan kesan sampingan terhadap penggunaan rokok elektronik dan vape termasuk beberapa kematian yang telah dicatatkan di negara Amerika Syarikat satu kajian terperinci perlu dibuat untuk mengkaji semula keperluan menguatkuasakan larangan penjualan rokok elektronik dan vape secara menyeluruh.

Di bawah peraturan sedia ada iaitu Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, penggunaan rokok, hasil tembakau dan rokok elektronik bernikotin bagi orang di bawah umur iaitu mereka yang berumur 18 tahun dan ke bawah adalah dilarang. Bagi rokok elektronik atau vape yang menggunakan cecair bernikotin, penjualan produk ini adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952. Di bawah Akta ini, sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik adalah dilarang penjualannya kecuali oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan berhenti merokok.

Pada masa yang sama pengedaran dan pembekalan sebarang persediaan mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952. Sehingga kini, cecair rokok elektronik tidak didaftarkan sebagai rawatan berhenti merokok.

NO SOALAN : 53

Bagi rokok elektronik atau vape yang menggunakan cecair tanpa nikotin akan dikawal di bawah Akta Baru yang telah digubal di bawah pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna yang kini sedang dalam semakan pihak Jabatan Peguam Negara. Di bawah Akta Baru ini, penggunaan semua jenis produk merokok seperti rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah dilarang sama sekali.

Sekian, terima kasih.